

PERANAN BAHASA MELAYU DAN CABARANNYA DI ERA GLOBALISASI

(Malay Language Role and The Challenge in The Era of Globalization)

Dr. Phaosan Jehwae

Fakulti Sastra dan Sains Kemasyarakatan
University Fatoni, Selatan Thailand

Abstract

In recent years, scholars, Malay scholars and teachers in Thailand have had concerns about the extinction of the Malay language in every sector of education and identity of the Malay people in Thailand. The influence of the Thai language which was so strong over Patani Malay and several powerful police officers who aimed to abolish it was among the main factors which led to the weakening of the position of the Malay language and the defendants from the time to the time. This basic effect caused Malay people to be anxious and worried about the destruction of the Malay identity. Malay may not separate from the Malay community in Patani. The history of Patani is long and challenging, but the Malay language remains an important issue. Since the impending security crisis took place, the kingdom began to see Malay language interests for the Patani people so that it included the Malay language curriculum in the low and middle schools belonging to the kingdom.

Keywords: *Patani Malay language, challenge and political policy*

Abstrak

Pada akhir-akhir ini, para ulama, cendekiawan dan guru bahasa Melayu di Thailand ada kekuatiran terhadap kepunahan bahasa Melayu dalam setiap sektor pendidikan dan jati diri bangsa Melayu di Thailand. Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat ke atas bahasa Melayu Patani serta beberapa polisi pihak berkuasa yang bertujuan untuk menghapuskannya, merupakan antara faktor utama yang menyebabkan kedudukan bahasa Melayu semakin lemah dan tergugat dari semasa ke semasa. Akibat dasar tersebut menyebabkan masyarakat Melayu gelisah dan kuatir atas kemusnahan identiti Melayu. Bahasa Melayu tidak boleh berpisah dari masyarakat Melayu di Patani. Perjalanan sejarah Patani yang panjang dan penuh cabaran namun bahasa Melayu tetap menjadi sesuatu isu yang penting. Sejak berlaku krisis keamanan yang berpenjangan, kerajaan mulai melihat kepentingan bahasa Melayu bagi masyarakat Patani sehingga memasukkan kurikulum bahasa Melayu dalam sekolah rendah dan menengah milik kerajaan.

Kata-kata kunci: *Patani Malay language, challenge and political policy*

PENDAHULUAN

Bangsa Melayu merupakan bangsa minoriti di Thailand kerana majoriti masyarakat di Thailand berbangsa Siam dan berbahasa Thai. Bangsa Melayu menjadi penduduk majoriti dalam minoriti, mereka menjadi penduduk majoriti di lima wilayah selatan Thai tetapi mereka menjadi penduduk

minoriti di tempat lain khususnya bangsa Melayu yang tinggal di Bangkok dan wilayah selatan utara. Menurut Paitoon (2005:53), sekitar 75 peratus daripada penduduk di lima wilayah selatan Thai beragama Islam, bertutur bahasa Melayu dan patuh kepada adat resam Melayu seperti penduduk di utara Malaysia. Patani memiliki sejarah dan perjuangan yang panjang sehingga sudah 103 tahun bersama

dalam negara Thai tetapi penduduk Patani masih tetap mempertahankan bahasa Melayu sampai dewasa ini.

Pada akhir-akhir ini, para ulama, cendekiawan dan guru bahasa Melayu di Thailand ada kekuatiran terhadap kepunahan bahasa Melayu dalam setiap sektor pendidikan dan jati diri bangsa Melayu di Thailand. Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat ke atas bahasa Melayu Patani serta beberapa polisi pihak berkuasa yang bertujuan untuk menghapuskannya, merupakan antara faktor utama yang menyebabkan kedudukan bahasa Melayu semakin lemah dan tergugat dari semasa ke semasa. Ahmad Fathi (2001:209) dalam membincangkan perihal kemerosotan bahasa Melayu di Patani menyatakan bahawa lapangan yang boleh dikuasai bahasa Melayu sekarang ini hanyalah dalam pergaulan seharian, penyampaian khutbah, dan pengajaran agama di masjid atau madrasah. Bahasa Melayu tidak digunakan lagi dalam urusan rasmi dengan kerajaan, media massa, papan tanda nama-nama kampung dan institusi kerajaan. Bangsa Melayu di Thailand sangat berbeza dengan orang Thai secara majoriti, bangsa Melayu beragama Islam dan berbahasa Melayu dan orang Thai berbahasa Thai dan beragama Buddha. Dalam kertas kerja ini, akan memaparkan peranan bahasa Melayu, peranan institusi pondok dan universiti serta cabaran di era globalisasi.

Situasi Bahasa Melayu di Negara Thai

Bahasa Melayu adalah bahasa yang digunakan di Nusantara sejak berabad-abad lamanya dan menjadi bahasa rasmi di beberapa negara di Nusantara. Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Selain bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di negara tersebut bahasa Melayu juga menjadi bahasa komunikasi di beberapa bahagian negara di Asia Tenggara seperti di Patani, Moro, Filipina dan Timor Laste. Sebelum tahun 1909 Masihi, bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi di kesultanan Patani dan menduduki posisi yang sangat penting. Setelah Patani dijajah oleh Siam bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa komunikasi antara masyarakat Melayu dan dijadikan bahasa pengantar

dalam mata pelajaran agama dan bahasa Melayu di sekolah-sekolah pondok.

Bahasa Melayu di negara Thai secara umumnya menjadi bahasa minoriti kerana hanya beberapa tempat yang masih menggunakan bahasa Melayu. Ada beberapa wilayah di sekitar Bangkok yang masih menggunakan bahasa Melayu dalam berkomunikasi sesama mereka seperti di Ayuthya, Minburi, Tha'it, Klongneng, Tambon Bangpo dan Kloungluang Pathomthani (Hasan, 1992:637). Manakala di Selatan Thai khususnya di lima wilayah sempadan Thai, bahasa Melayu menjadi bahasa majoriti (Worawit, 2002:28).

Amorn Thawisak (1987:76) menyatakan bahawa kawasan yang menggunakan bahasa Melayu di negara Thai bermula dari kawasan tengah sehingga di selatan Thailand dan juga di sempadan Malaysia. Penutur bahasa Melayu terdapat di beberapa wilayah di negara Thailand seperti berikut.

1. Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat. Di kawasan ini bahasa Melayu menjadi bahasa majoriti.
2. Wilayah Songkhla bahasa Melayu digunakan di daerah Thepha, Sabayoi, Nathewi, Chena, Sadau dan Ranood.
3. Wilayah Satun, penutur bahasa Melayu digunakan di kawasan Bandar Satun, Bankuan, Cekbilang, Tamalang, Koh Adang dan Koh Sarai.
4. Wilayah Nakhon Si Thammarat, bahasa Melayu digunakan di daerah Muang, daerah Thasala, daerah Hua Thaphan, daerah Mokhlan dan daerah Ron Phiboon.
5. Wilayah Krabi, bahasa Melayu digunakan di daerah Muang, Koh Ca, Koh Poo dan Koh Pipi, daerah Koh Lanta, Koh Lanta Yai, daerah Khau Phanom Tempat enam mukim Nakhau, daerah Aulek di Ban Klang dan Ban Chong Mai Dam di mukim Klang Hin.
6. Wilayah Phuket, terdapat penutur bahasa Melayu di kawasan daerah Muang, Lam Tuk Kae, Koh Sire, Ban Sapha dan Had Ra Wai.
7. Wilayah Phatlung, terdapat penutur bahasa Melayu di daerah Kong Ra, daerah Chelem dan mukim Jarad.
8. Wilayah Trang, terdapat penutur bahasa Melayu di daerah Kan Tang di mukim Kantang Tai dan mukim Koh Li Bung

9. Wilayah Suratthani, terdapat penutur bahasa Melayu di mukim Koh Marid dan daerah Samui.

Manakala di kawasan tengah negara Thai terdapat penutur bahasa Melayu di kawasan Nong Chok ibu kota Bangkok, wilayah Samut Prakan, Nonthaburi dan Pathum thani. Keadaan penutur Bahasa Melayu di negara Thai terdapat beberapa dialek berbeza. Ada tiga dialek iaitu dialek Urak Lawoi, dialek Patani dan dialek Satun. Bahasa Urak Lawoi ialah bahasa yang didapati di pulau dan pantai di sebelah barat, selatan Thai bermula dari wilayah Pang Nga, Ranong, Krabi, Satun dan Victoria Point Burma (Hasnida Chekha, 2008:48). Bahasa Melayu Patani pula diguna di kawasan empat wilayah Selatan Thai iaitu wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian di daerah Songkla seperti daerah Cana, Sabayoi, Thapha, dan Nathawi (Worawit Baru, 1990:54). Manakala Melayu dialek Satun digunakan di dua kawasan, iaitu kawasan persisiran dan kawasan luar bandar wilayah Satun. Kawasan persisiran merangkumi mukim Tammalang, Che Bilang dan Tanjung Gabus, sementara kawasan luar bandar meliputi mukim Bankhuan dan sebahagian mukim Ban Chalung.

Pada masa sekarang keadaan bahasa Melayu banyak dipengaruhi oleh bahasa Thai. Generasi baru anak Melayu di Thailand mulai jarang bertutur dalam bahasa Melayu menyebabkan bahasa Melayu pada masa kini dalam keadaan kritikal terlebih lagi di kawasan penduduknya majoriti bercakap di dalam bahasa Thai.

Peranan Bahasa Melayu di Patani

Bahasa Melayu menjadi bahasa Ibu-nda (bahasa pertama) dan warisan peninggalan paling berharga bagi masyarakat Melayu yang tinggal di selatan Thai. Bahasa Melayu memainkan peranan yang sangat penting di selatan Thai. Bahasa Melayu sebagai alat komunikasi untuk mengungkapkan sesuatu pemikiran, perasaan, emosi, keperluan dan lain-lain. Bahasa Melayu merupakan alat perhubungan dalam kehidupan harian dan bahasa ini dituturkan meluas oleh semua

golongan. Bahasa Melayu dituturkan oleh masyarakat biasa, pegawai kerajaan, pegawai swasta dan peniaga yang berbangsa Melayu dan bukan Melayu.

Dalam pengajaran agama Islam, para tuan guru (Tuan guru yang dimaksudkan oleh masyarakat Patani adalah pemilik sekolah pondok atau sekolah swasta agama Islam) dan guru agama menggunakan buku atau kitab bahasa Melayu baku dan menghuraikannya dalam bahasa Melayu dialek Patani. Doktor dan misionaris barat yang datang menyebarkan agama Kristian di Thailand juga menggunakan bahasa Melayu sebagai alat penyebaran agama Kristian. Ada sekitar 400 buah sekolah swasta agama Islam di lima wilayah selatan Thai (Ahmad Omar, 2002:39). Pada sekitar tahun 1960-an terdapat 1000 buah sekolah pondok di seluruh Patani, setelah kerajaan memaksa mengajar bahasa Thai dalam semua sekolah pondok menyebabkan banyak sekolah pondok terpaksa ditutup dan diperhentikan (Uthai Dulyakasem, 1981:63). Sekolah swasta tersebut milik penduduk tempatan, mereka menggunakan dua sistem dalam proses pengajarannya. Mereka menggunakan bahasa Melayu dalam mengajar subjek agama dan bahasa Melayu. Manakala dalam penyampaian, mereka menggunakan bahasa Melayu Patani dan ada beberapa sekolah menggunakan bahasa campuran antara bahasa Melayu Patani dan bahasa Thai. Sedangkan dalam pembelajaran akademik, mereka menggunakan 100 peratus buku berbahasa Thai dan menggunakan bahasa Melayu Patani dalam menghuraikannya.

Sejak berlaku krisis politik di Patani, pihak kerajaan Thai telah melihat betapa penting kedudukan dan peranan bahasa Melayu bagi masyarakat Patani. Bahasa Melayu dapat menjadi alat kedamaian di Patani, oleh sebab demikian timbul pelbagai media massa dalam media cetak dan elektronik dalam bahasa Melayu pada masa. Tujuan pihak kerajaan Thai adalah untuk menyampaikan maklumat kepada penduduk Patani dan penduduk wilayah yang berhampiran yang mana mempunyai penduduk yang bertutur dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu yang mencul di dalam media massa di selatan Thailand mempunyai pelbagai bentuk, ada dalam bentuk media tv,

media radio, media cetakan dan lain-lain. Ada beberapa rancangan berbahasa Melayu dalam saluran media tv seperti rancangan yang terdapat saluran TV 5, TV 9 dan TV 11. Maklumat yang disampaikan melalui kaca tv tersebut mengenai berita harian, baik berita dalam negara dan juga luar negara.

Radio adalah satu media tempatan yang memberi kesenangan dan kemudahan kepada pendengar, kerana media tersebut dapat diikuti di merata tempat sahaja. Oleh demikian, media Radio mempunyai ramai peminat, lebih-lebih lagi, rancangan yang berkaitan dengan berita dan kebudayaan tempatan. Media radio mempunyai pelbagai rancangan seperti rancangan hiburan, berita harian, dan ceramah agama. Rancangan hiburan termasuk juga lagu-lagu tempatan dan lagu-lagu dari Malaysia dan Indonesia. Dato' Siti Nur Haliza dan kumpulan anasyid dari Malaysia sangat terkenal dan diminati ramai oleh masyarakat Patani. Rancangan harian yang termashur ialah rancangan berita harian yang disampaikan oleh D.J Pak Cu. Rancangan beliau terkenal sejak dua puluh tahun dahulu sehingga dewasa ini. Rancangan sangat diminati oleh kaum tua khususnya wanita kerana selain menyiarkan lagu-lagu lama dari Malaysia, terdapat juga lagu-lagu Hindustan.

Bahasa Melayu menjadi bahasa dalam dunia hiburan, seperti penggunaan bahasa Melayu dalam persembahan dikir hulu, dikir barat, dangdut dan nyanyian dalam bahasa Patani. Lagu dikir barat berasal dari Patani sangat diminati dan popular di negara Malaysia khususnya negeri yang bersempadan dengan Patani, iaitu Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dalam perdagangan dan politik. Bahasa Melayu digunakan dalam iklan barang berbagai-bagai jenama, lagu, berita, ceramah, pengumuman kerajaan dalam radio dan surat khabar tempatan. Sering kali kerajaan mengambil kesempatan dari seni budaya dikir hulu untuk menyampaikan dasar polisi. Dalam bidang politik, khususnya politik lokal, bahasa Melayu menjadi alat yang penting dalam penyampaian polisi-polisinya. Bahasa Melayu juga

menjadi alat politik untuk menarik penyokong-penyokongnya. Sesiapa yang tidak pandai berbicara dalam bahasa Melayu, walaupun agamanya Islam, pemilih tidak akan memilih orang tersebut. Oleh sebab demikian, penutur bahasa Melayu dan orang Melayu selalu menang dalam pemilihan raya lokal, walaupun sebenarnya mereka itu hanya berkelulusan dalam pengajian tidak terlalu tinggi. Ada beberapa ahli politik di Patani hanya berkelulusan sekolah rendah tetapi dengan penguasaan bahasa Melayu dengan baik, mereka dapat menarik simpati dan dukungan dari rakyat.

Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Pondok dan Perguruan Tinggi

Pondok ialah institusi penting dalam perkembangan pendidikan, bahasa Melayu, penyebaran agama Islam dan pusat kebudayaan Melayu (Lazim, 2007:168). Institusi pondok muncul sejajar dengan kemunculan Patani sebagai pusat perkembangan dan kegiatan Islam di Asia Tenggara. Pondok diperkirakan berasal dari Patani kemudian pelajar-pelajar yang belajar di Patani yang berasal dari berbagai-bagai pelusuk di Nusantara setelah menyelesaikan pengajian mereka, institusi pondok tersebar di Nusantara (Ismail Hussein, 1989:771-778). Pada abad 18-19, Patani menjadi pusat ilmu pengetahuan dan kesusasteraan berunsurkan Islam. Patani telah melahirkan beberapa ulama di peringkat antarabangsa, seperti Syed Daud Al-Fathoni, Syed Zainal Abidin Al-Fathoni, Syed Ahmad Al-Fathoni. Syed Daud Al-Fathoni telah menghasil karya kitab dalam bahasa Arab dan Melayu melebihi 58 buah dan sampai dewasa ini karya kitab beliau masih dipelajari di beberapa pondok di Patani. Pondok ketika itu dan sampai sekarang masih menyampaikan pengajaran dalam bahasa Arab dan Melayu.

Patani menjadi pusat perkembangan bahasa Melayu kerana ketika itu tuan guru mengajar agama dan bahasa Arab dalam Melayu. Mohd. Zamberi (1994:243) menyatakan bahawa bahasa Melayu di Patani telah menjadi bahasa ilmu, dan berjaya meletakkan Patani sebagai pusat tamadun kesusasteraan Melayu Islam menerusi penghasilan karya kitab-kitab agama oleh para ulama. Penggunaan kitab-kitab agama itu sebagai bahan rujukan amat meluas sekali, sehingga sampai ke negara-

negara timur tengah dan Afrika Utara. Pelajar yang datang belajar dan menuntut ilmu di Patani yang datang dari berbagai-bagai pelusuk dunia seperti dari Sri Lanka, Burma, Kombudia, Vietnam dan negeri-negeri Melayu di Nusantara. Pelajar yang bukan dari negeri Melayu, mereka secara langsung harus mempelajari bahasa Melayu kerana kata pengantar dalam sistem pondak dalam bahasa Melayu. (Abdullatif, 1987:266).

Setelah Patani mengalami kekalahan perang dengan Siam dan Patani jatuh di bawah jajahan Siam. Institusi pondok mengalami kemunduran dalam penyebaran agama dan bahasa Melayu. Pondok masih tetap mengajar agama dan bahasa Melayu tetapi dewasa ini pondok terbahagi kepada dua sistem. Pertama, pondok masih mempertahankan sistem lama, mengajar kitab kuning dalam bahasa Arab dan Melayu. Mereka belajar di surau atau masjid dan tinggal dalam pondok kecil-kecil. Sekarang ini sistem pondok ini sudah mulai lenyap di bumi Patani dan hanya tinggal beberapa buah sahaja yang masih aktif. Kedua, adalah pondok dalam bentuk sekolah agama Islam swasta (madrasah). Pondok ini merupakan perubahan daripada sistem pondok lama kepada sistem persekolahan. Bahasa Melayu merupakan alat penyampaian yang penting dalam sistem pendidikan pondok dan upacara keagamaan di Patani (Jiraphan Dema, 2008:23)

Pondok dalam bentuk madrasah ini, memberi pengajaran dan pembelajaran dalam dua bentuk, agama dan akademik. Pondok ini mendapat bantuan penuh dari kerajaan Thai dengan syarat pondok tersebut harus mengajar akademik dalam bahasa Thai. Bahagian agama, pondok ini masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan ada beberapa sekolah pondok mengajar agama dalam bahasa Thai atas alasan banyak pelajar tidak memahami bahasa Melayu. Bagaimanapun pondok dalam bentuk lama atau dalam bentuk sekolah masih berperanan dalam mempertahankan bahasa Melayu di Patani.

Selain institusi pondok, universiti-universiti yang berada di Patani memainkan peranan yang sangat penting dalam memper-

tahankan keberadaan bahasa Melayu. Ada empat buah universiti di Patani yang menawarkan program bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar yang berminat dalam bidang tersebut, antaranya Universiti Songkhla Nakharin, Universiti Thaksin, Universiti Islam Yala dan Universiti Rajabhat Yala. Universiti Islam Yala merupakan universiti pertama di Thailand dalam proses pembelajarannya menggunakan empat bahasa utama dunia iaitu bahasa Melayu, Arab, Inggeris dan Thai. Universiti Songkhla Nakharin telah membuka program bahasa Melayu sudah melebihi 30 tahun dan telah menghasilkan banyak sarjana muda dalam bidang bahasa Melayu dan pengajian Melayu. Universiti Rajabhat Yala, telah membuka program bahasa Melayu untuk memenuhi permintaan kerajaan dan masyarakat dalam memenuhi kekurangan guru bahasa Melayu di Patani. Para sarjana bahasa Melayu dari universiti tersebut banyak menekuni bidang pendidikan baik di sekolah kerajaan dan sekolah pondok. Mereka merupakan sebahagian dari para pengembang bahasa Melayu di Thailand sehingga keberadaan bahasa Melayu masih aktif sampai dewasa ini.

Selain perguruan tinggi milik kerajaan atau swasta yang mendaftar secara rasmi di Kementerian Pendidikan Thai, ada beberapa perguruan tinggi yang mencuba menubuhkan perguruan tinggi Islam untuk menampung pelajar-pelajar dari Patani yang tidak ada kesempatan untuk belajar di universiti luar negeri atau universiti dalam negeri. Perguruan yang dimaksudkan di atas adalah Ma'ahad Al-Idad Al-Islamy milik Majlis Agama Islam Yala, Kulliah Sore di Cerang Batu Patani, Kulliah Syeik Daud Al-Fatani Jala, Kulliyah Imam Al-Shafi'e Jaha dan Al-Maahad Al-Ali Al-Dirasat Al-Islamiah wa Al-Arabiah Jaha (Lazim, 2006:171). Semua perguruan tersebut tidak diiktiraf oleh kerajaan Thai tetapi mereka menjalin kerjasama dengan beberapa perguruan tinggi di Timur Tengah dan Indonesia. Bahasa Melayu dan bahasa Arab menjadi bahasa pengantar asas. Mereka tidak menggunakan bahasa Thai sedikitpun. Pelajar-pelajar yang lulus dari perguruan tinggi swasta yang tidak diiktiraf oleh kerajaan ini tidak dapat berkerja di pejabat dan sekolah milik kerajaan. Mereka

banyak bergiat dan mengajar di sekolah-sekolah Tadika. Pelajar tersebut bermain peranan yang sangat penting dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah Tadika sehingga baik atau lemahnya kualiti bahasa Melayu tergantung kepada mereka.

Universiti Songkhla Nakharin (PSU) merupakan sebuah universiti milik kerajaan Thai yang pertama terletak di Patani. Universiti ini dibuka pada tahun 1971 atas desakan rakyat dan pemimpin di Patani. Pelbagai bidang ilmu pengetahuan ditawarkan seperti kejuruteraan, pendidikan, ilmu sains sosial dan lain-lain. Jabatan bahasa Melayu merupakan salah satu jabatan yang di fakulti sains sosial. Dengan penubuhan institusi pengajian tinggi milik kerajaan terbuka luas bagi anak-anak Melayu Patani untuk menimba pelbagai bidang ilmu pengetahuan. PSU menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar tetapi ada beberapa pensyarah yang mengajar di institut pengajian Islam menggunakan bahasa Melayu dan Arab sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar bagi jabatan bahasa Melayu dan jabatan pengajian Melayu sahaja. Universiti Islam Yala (UIY) adalah sebuah universiti swasta pertama di Thailand milik masyarakat Patani. Universiti Islam Yala juga merupakan universiti swasta pertama di tiga wilayah Melayu di selatan Thai dan menggunakan empat bahasa utama dunia dalam pembelajarannya. Salah satu bahasa tersebut adalah bahasa Melayu. Bahasa Melayu digunakan bukan sahaja dalam pengajaran subjek bahasa Melayu tetapi bahasa Melayu juga digunakan dalam pengajaran subjek agama. Jabatan Bahasa Melayu di Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Fatoni telah ditubuhkan pada tahun 2007 Masihi, untuk memenuhi hasrat dan cita-cita universiti dan umat Islam di Patani untuk mempertahankan bahasa Melayu dan identiti umat Islam di negara Thai. Selain alasan tersebut, bahasa Melayu merupakan bahasa yang sangat penting di Nusantara dan Asia Tenggara. Bahasa Melayu menjadi alat komunikasi yang penting di rantau ini sehingga bahasa Melayu sangat berperanan dalam dunia ekonomi dan

diplomasi antara negara di Asia Tenggara. Para graduan bahasa Melayu yang telah lulus dari universiti yang ada di Patani akan menjadi tenaga yang penting dalam mempertahankan keberadaan bahasa Melayu di Thailand.

Cabaran Bahasa Melayu di Patani

Bahasa Melayu di Patani penuh dengan cabaran baik dari dasar atau polisi kerajaan Thai, bangsa Melayu sendiri mahupun pengaruh media massa. Dasar kerajaan Thai terhadap bahasa Melayu selalu berubah mengikuti arus politik semasa. Pada era permulaan Patani bersama Siam sehingga dewasa ini bahasa Melayu selalu menjadi isu hangat dan perdebatan. Pada tahun 1940-an, Phibun Songkram sebagai perdana menteri pada masa itu, telah membangkitkan semangat nasionalisme kesiaman dengan melaksanakan dasar *Ratthaniyom Thai*. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Phibun seperti berikut.

1. Melarang institusi pendidikan pondok mengajar dalam bahasa Melayu kerana bahasa itu bukan bahasa rasmi negara ini.
2. Menutup institusi-institusi pendidikan agama Islam yang mengajar dalam bahasa Melayu.
3. Melarang orang Melayu bercakap bahasa Melayu.
4. Memaksa orang Melayu menukarkan nama Melayu kepada nama Siam.
5. Menukarkan nama-nama kampung dalam bahasa Melayu ke dalam bahasa Siam di seluruh wilayah Melayu.
6. Berusaha menimbulkan kesulitan kepada orang Melayu yang bercakap Melayu apabila berurusan di pejabat-pejabat kerajaan, dan
7. Melarang orang-orang Melayu memakai pakaian Melayu.

Akibat dasar tersebut menyebabkan masyarakat Melayu gelisah dan kuatir atas kemusnahan identiti Melayu dan kebebasan beragama. Mereka merasa tercabar kerana dipaksa mengamalkan resam budaya barat dan Siam yang sangat bertentangan dengan kebudayaan Melayu dan ajaran Islam. Golongan tua merasa sangat gelisah kerana mereka dilarang memakai serban, kopiah ataupun melilit kain semutar di kepala, yang

harus digantikan dengan penggunaan topi. Bahasa Melayu sudah menjadi bahasa rasmi sejak zaman langkasuka, diharamkan dan ditegah digunakan di pejabat-pejabat kerajaan dan harus menggunakan bahasa Siam yang sangat asing bagi orang Patani. Semua jawatan tinggi tidak diberikan kepada orang Melayu dan kegiatan agama Islam disekat kerana agama Buddha adalah agama rasmi Negara Siam. Kemarahan kemuncuknya dengan penutupan Majlis Agama Islam di seluruh wilayah Melayu Patani (Nik Anuar dan Mohd. Zamberi, 2006:106).

Dasar Siamisasi tersebut ditentang keras oleh penduduk Patani yang diketuai oleh Haji Sulong yang terkenal dengan tujuh tuntutan (Chalermkiat Khuntongphet, 2004:23, Nik Anuar dan Mohd. Zamberi: 109). Tuntutan tujuh perkara yang menyebabkan Haji Sulong dituduh sebagai pemberontak dan dibunuh secara misteri itu adalah seperti berikut.

1. Menuntut kerajaan mengiktiraf empat wilayah selatan iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Satun sebagai wilayah Melayu, dan melantik wakil kerajaan dari kalangan penduduk yang dilahirkan di empat wilayah ini dan mempunyai kuasa pentadbiran sepenuhnya.
2. Hendaklah 80% dari kalangan pegawai kerajaan yang berkhidmat di empat wilayah ini beragama Islam.
3. Bahasa Melayu dan bahasa Siam hendaklah dijadikan bahasa rasmi.
4. Bahasa Melayu hendaklah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah rendah.
5. Undang-undang Islam hendaklah diiktiraf dan dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah.
6. Kesemua hasil dan pendapatan yang diperoleh daripada keempat-empat wilayah ini hendaklah digunakan di wilayah-wilayah ini sahaja.
7. Menubuhkan sebuah badan yang mempunyai kuasa penuh untuk mengurus kesemua hal-ehwal orang Islam yang berada di bawah tanggungjawab Ketua Negeri.

Tuntutan di atas bukanlah menuntut sebuah negara merdeka tetapi untuk memper-

baiki nasib bangsa Melayu yang sangat tertindas ketika itu. Pada mulanya desas-desus mengatakan antara beberapa perkara yang dituntut oleh bangsa Patani akan membuahkan kelulusan pihak berkuasa Thai kecuali tuntutan pertama yang menyentuh perlembagaan Thai ditolak. Keadaan politik di Negara Thai berubah secara tiba-tiba apabila tercetus rampasan kuasa di kota Bangkok pada tahun 1947M, sehingga selepas itu Phibun kembali berkuasa. Pada 16 Januari 1948 M, Haji Sulong dan rakan-rakan ditangkap dan dibunuh secara misteri (Mohd. Zamberi, 2006:111). Walaupun usaha untuk mempertahankan identiti bangsa Melayu telah dilakukan tidak berjaya sepenuhnya tetapi kesan-kesan dari tuntutan tersebut telah banyak mengubah dasar politik di negara Thai khususnya berkaitan dengan bahasa Melayu.

Pada tahun 1950-an kerajaan Thailand kembali membenarkan pengajaran bahasa Melayu diajarkan di sekolah-sekolah milik kerajaan dengan mendatangkan guru-guru bahasa Melayu daripada Singapura dan Malaysia. Namun kemudiannya, pengajaran bahasa Melayu tidak lagi diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan, sehingga guru-guru bahasa Melayu terpaksa mengajar bahasa Melayu di rumah masing-masing. Pada tahun 1960 M, kerajaan mulai masuk campur dalam urusan sekolah pondok di Patani. Kerajaan mulai memberi bantuan keewangan kepada sekolah pondok yang mendaftar tetapi dengan syarat harus memasukkan subjek yang menggunakan bahasa Siam/Thai dalam kurikulum sekolah pondok. Kerajaan bertujuan untuk melemahkan kedudukan bahasa Melayu, sebelum itu semua subjek akademik menggunakan seluruhnya dalam bahasa Melayu.

Pada tahun 1968 M, kerajaan Thai mengumumkan bahawa semua pondok yang menerima bantuan akan dikurangkan penggunaan bahasa Melayu dalam subjek akademik dan diganti dengan bahasa Thai. Pada tahun 1971 M, kerajaan mewajibkan semua sekolah pondok mendaftar di Kementerian Pendidikan Thai, jika sekolah pondok tidak mendaftar pihak kerajaan akan mengambil tindakan tegas dengan menutup sekolah tersebut secara paksa. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua subjek akademik telah

hilang dan digantikan oleh bahasa Thai. Bahasa Melayu tinggal sebagai salah satu subjek agama dan sebagai bahasa pengantar subjek agama sahaja. Pada tahun 1980-an, subjek bahasa Melayu dimasukkan ke dalam beberapa sekolah kerajaan bersamaan mata pelajaran agama Islam tetapi hanya dua jam seminggu (Worawit: 1998: 187).

Setelah bahasa Melayu tidak diajarkan di sekolah rendah milik kerajaan, masyarakat Patani membuka sekolah-sekolah Melayu yang mengajarkan agama dan bahasa Melayu di surau-surau dan masjid. Sekolah Melayu tersebut dikenal sebagai sekolah Tadika. Seterusnya bahasa Melayu diajarkan di sekolah-sekolah Tadika sebagai asas utama bagi pelajaran agama dan menyediakan buku-buku teks bertulisan Jawi dan Rumi sebagai media untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah Tadika. Manakala sekolah rendah atau sekolah dasar di wilayah selatan Thailand, pada umumnya terdiri daripada sekolah-sekolah kerajaan. Setiap warga Thailand termasuk kanak-kanak Melayu diwajibkan mengikuti pendidikan pada peringkat dasar di sekolah-sekolah tersebut iaitu dalam jangka masa enam tahun. Bahkan sekarang peringkat pendidikan wajib diperluaskan sehingga ke peringkat menengah iaitu tempuh masa sembilan tahun. Bagi kanak-kanak Melayu, pada umumnya mereka mengikuti peringkat pendidikan dasar di sekolah rendah milik kerajaan kemudian melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di sekolah swasta agama Islam. Dengan demikian kanak-kanak di selatan Thailand berpeluang untuk belajar agama dan bahasa Melayu sebagai lanjutan daripada pendidikan agama dan bahasa Melayu.

Dasar Siamisasi penduduk di Selatan Thai oleh Phibun Songkram telah dilaksanakan, namun umat Islam Patani tetap berusaha menyediakan alternatif penyelamat kepada permasalahan ini agar identiti Melayu dan Islam terus terpelihara, akhirnya mereka membuka Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) iaitu belajar hari Sabtu dan Ahad. Kanak-kanak di Patani belajar agama menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di masjid-masjid dan di kampung-

kampung. Bagi pemerintah Thailand, mereka juga berusaha menghapuskan sekolah-sekolah gantian ini dengan cara menyediakan juga sedikit pengajaran agama di sekolah kebangsaan. Manakala guru-guru yang mengajar pula bukan dari lulusan yang baik dalam bidang agama maupun bidang bahasa Melayu.

Pendedahan dan penggunaan BMS oleh pelajar-pelajar Melayu di Patani adalah amat terbatas. Selama lima hari, para pelajar Melayu mesti mengikuti pembelajaran di sekolah rendah dengan menggunakan bahasa Thai, iaitu dari pukul 08.00 pagi hingga pukul 04.00 petang. Di sepanjang enam tahun berada di sekolah rendah kerajaan, pengajaran-pembelajaran semua mata pelajaran adalah secara total dalam bahasa Thai. Pelajar-pelajar Melayu sekolah rendah di daerah Saiburi dan sekolah rendah di daerah lain menerima pendidikan dalam bahasa Thai, cuma pada hari Sabtu dan Ahad yang merupakan hari cuti awam di negara Thai, para pelajar berkenaan berkesempatan mempelajari bahasa Melayu dan agama dalam bahasa Melayu.

Setelah para pelajar Melayu di Patani menamatkan pelajaran mereka di sekolah rendah kerajaan, kebanyakan mereka melanjutkan pelajaran ke sekolah pondok dan sebahagian kecil sahaja yang melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah milik kerajaan. Situasi ini berbeza sekiranya pelajar berada di sekolah-sekolah menengah milik kerajaan, selama di sekolah pondok, pelajar Melayu berkesempatan mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu dan beberapa mata pelajaran agama dalam bahasa Melayu. Sama seperti di sekolah menengah milik kerajaan, pelajar di sekolah pondok juga diwajibkan mempelajari mata pelajaran sekular (bersifat akademik) dalam bahasa Thai. Selama di sekolah menengah agama Islam (sekolah pondok), pelajar Melayu lebih banyak terdedah kepada penggunaan bahasa Thai dibandingkan dengan bahasa Melayu. Penjelasan lebih lanjut tentang mata pelajaran, masa belajar dan bahasa yang digunakan dalam kalangan pelajar-pelajar Melayu di sekolah pondok di Patani dapat diteliti daripada rajah 1.1 berikut.

Jadual 1.1

Mata Pelajaran, Masa Belajar dan Bahasa yang Digunakan dalam Kelas 10/Tingkatan Enam di Sekolah-sekolah Pondok

No.	Mata Pelajaran	Masa Belajar Perminggu	Bahasa yang Digunakan
1	Al-Qur'an	80 Minit	Bahasa Melayu
2	Tafsir	80 Minit	Bahasa Arab
3	Fiqih	80 Minit	Bahasa Arab
4	Hadis	80 Minit	Bahasa Arab
5	Tarikh	80 Minit	Bahasa Melayu
6	Bahasa Arab	80 Minit	Bahasa Arab
7	Bahasa Melayu	80 Minit	Bahasa Melayu
8	Akhlak	40 Minit	Bahasa Melayu
9	Bahasa Thai	120 Minit	Bahasa Thai
10	Bahasa Inggeris	80 Minit	Bahasa Thai
11	Matematik	120 Minit	Bahasa Thai
12	Matematik Tambahan	40 Minit	Bahasa Thai
12	Sains	240 Minit	Bahasa Thai
13	Sejarah	80 Minit	Bahasa Thai
14	Ilmu Sosial	80 Minit	Bahasa Thai
15	Komputer	80 Minit	Bahasa Thai
16	Seni	40 Minit	Bahasa Thai
17	Ilmu Kesihatan	40 Minit	Bahasa Thai
18	Olahraga	80 Minit	Bahasa Thai
Jumlah		1600 Minit/26 Jam Perminggu	*Bahasa Melayu (280 Minit) *Bahasa Arab (320 Minit) *Bahasa Thai (1000 Minit)

Rajah 1.2 memperlihatkan gambaran secara keseluruhan tentang mata pelajaran, masa belajar dan bahasa yang digunakan dalam Kelas 10 di sekolah pondok di Patani. Terdapat empat mata pelajaran yang menggunakan bahasa pengantar dalam bahasa Melayu, iaitu mata pelajaran (i) Al-Quran, (ii) Tarikh, (iii) Bahasa Melayu, dan (iv) Akhlak. Secara purata masa belajar yang menggunakan bahasa Melayu adalah empat sampai lima jam setiap minggu.

Sejak berlaku krisis keamanan di Selatan Thai pada tahun 2005, kerajaan Thai mulai menitikberatkan tentang identiti bangsa

Melayu Patani khususnya dalam bidang keagamaan dan bahasa. Kerajaan mulai membuka subjek agama dan bahasa Melayu di sekolah-sekolah milik kerajaan. Kerajaan telah mengambil guru-guru agama dan bahasa Melayu menjadi guru di sekolah milik kerajaan. Kerajaan Thai telah membuka peluang agak luas bagi penggunaan bahasa Melayu, seperti penggunaan bahasa Melayu dalam siaran radio dan televisyen, papan iklan, menyusun rancangan kursus bahasa Melayu, menyediakan peruntukan untuk tenaga pengajar bahasa Melayu di beberapa universiti dan juga rancangan sekolah dwibahasa telah pun dilaksanakan di tiga wilayah Selatan Thai.

PENUTUP

Bahasa Melayu di Patani Selatan Thai memiliki peranan dan kedudukan yang sangat penting. Bahasa Melayu bukan sekadar menjadi alat perhubungan saja tetapi berperanan lebih dari itu. Bahasa Melayu tidak boleh berpisah dari masyarakat Melayu di Patani. Perjalanan sejarah Patani yang panjang dan penuh cabaran namun bahasa Melayu tetap menjadi sesuatu isu yang penting. Walaupun Patani bukan merupakan sebuah negara Melayu di Nusantara tetapi masyarakat Patani tetap menjaga identiti mereka sebagai bangsa Melayu yang berbahasa Melayu. Institusi pondak dan perguruan tinggi yang berada di Patani sangat memainkan peranan penting dalam melestarikan keberadaan bahasa Melayu. Pelbagai dasar kerajaan Thai secara langsung atau tidak langsung untuk menghapus dan meruntuh bahasa Melayu dari negara Thai sejak Patani bersama negara Thai dengan pelbagai dasar politik siamisasi tetapi usaha tersebut tetap tidak berjaya secara keseluruhan. Buktinya sampai dewasa ini bahasa Melayu masih tetap aktif dibicarakan oleh masyarakat Patani dan menjadi mata pelajaran wajib di seluruh sekolah pondok. Sejak berlaku krisis keamanan yang berpenjangan, kerajaan mulai melihat kepentingan bahasa Melayu bagi masyarakat Patani sehingga memasukkan kurikulum bahasa Melayu dalam sekolah rendah dan menengah milik kerajaan.

DAFTAR PUSTAKA

- Ahmad Fathi (2001). *Pengantar sejarah Fathoni*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Omar (2002). *Politik Thai dan masyarakat Islam di selatan Thailand*. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Amorn Thawisak (1986) *Bahasa Dialek Melayu di dalam Negara Thailand*, Salaya: Mahidol University.
- Chalermkiat Khuntongphet (2004). *Penentangan Haji Sulong Abdul Qadir terhadap Dasar Kerajaan di Empat Wilayah Selatan Thai di antara tahun 1939-1954*. Bangkok: Matichon book.
- Hasan Madmarn (2001). *Pondok dan Madrasah di Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein (1989). *Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jiraphan Dema (2008) Kerikulum dan Pengurus Pendidikan di dalam Wilayah Selatan Thailand. Kertas kerja dalam seminar Akademik Tajuk Melayu dengan Rat Thai dan pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan, Universiti Princess of Songkhla.
- Mohd. Zamberi A. Malek (1994). *Patani dalam Tamadun Melayu*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Zamberi A. Malek (2006). *Pensejarahan Patani*. KL: Penerbit UM.
- Muhammad Lazim Lawi (2005). *Sejarah dan Perkembangan Agama Anuti Masyarakat Melayu Patani*. Kolej Islam Jala: Pusat Kebudayaan Islam.
- Nik Anuar Nik Mahmud (1999). *Sejarah Perjuangan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit UKM.
- Paitoon M. Chayanara (1990). Kata-kata Sanskrit Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan Dari Segi Fonologi. *Tesis Ph.D.* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ruslan Uthai (2008). Bahasa dalam Rattai : Tammadul dan Keadilan, Kertas Kerja Seminar “Melayu dengan Rat Thai dan pefektif Sejarah dan Tammadul dengan Cara Membina Keadilan”, Universiti Princess OF Songkhla.
- Uthai Dulyakasem (1981). Education and Ethnic Nationalism: A Study of the Muslim-Malays in Southern Siam. *Tesis Ph. D.* Stanford University.

